

Headline	OTM iringi Anuar		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Rap	Color	Full Color
Page No	R12	ArticleSize	495 cm ²
AdValue	RM 18,211	PR Value	RM 54,634



OTM iringi Anuar

Jayakan Konsert Diraja Menjunjung Kasih 2012 di UUM

>>Oleh Norhayati Nordin

yati@hmetro.com.my

BARANGKALI masih ramai yang tidak sedar akan kemunculan Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) di persada seni tanah air. Justeru, sebagai usaha untuk mengetengahkan OTM kepada masyarakat dan golongan muda tanah air, satu inisiatif istimewa dilakukan pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Bersandarkan kerjasama dijalin dengan Istana Budaya (IB), UUM teruja menampilkan OTM untuk bersama-sama menayakan kemeriahan persembahan Konsert Diraja Menjunjung Kasih 2012 yang akan berlangsung di Dewan Mu'adzam Shah, UUM pada 15 September ini, jam 8.45 malam.

Konsert berlangsung selama satu setengah jam itu turut dijayakan penyanyi terkenal, Anuar Zain. Penghibur ternama yang kini popular dengan lagu Sedetik Lebih itu dijangka menghiburkan penonton dengan lima lagu. Menariknya, persembahan Anuar diiringi oleh OTM.

Pengarah Hal Ehwal Pelajar

dan Alumni UUM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Konsert, Prof Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif berkata, ini adalah kerjasama seterusnya membabitkan UUM dan IB selepas kali pertama berganding bahu pada 2010 dan 2011 yang sememangnya mendapat sambutan.

"Kali ini kami mencapai kata sepakat untuk mengetengahkan pemuzik OTM untuk mengiringi persembahan dalam konsert diraja yang akan diadakan. Malah, kami juga amat berbesar hati apabila Anuar bersetuju membuat persembahan dan sekali gus ia merealisasikan impian sebilangan besar pelajar UUM.

"Apatah lagi, pemilihan Anuar dibuat berdasarkan kaji selidik di kalangan pelajar UUM untuk memilih siapakah artis pilihan dan kesukaan mereka untuk dijemput menjayakan acara konsert diraja berkenaan. Justeru, kali ini nampaknya nama Anuar yang menjadi pilihan dan juga sudah diperkenalkan Yang di-

Pertuan Agong," katanya.

Menurut Dr Mohd Amy Azhar, UUM gembira menganjurkan Konsert Diraja Menjunjung Kasih 2012 itu sebagai ucapan terima kasih dan tahniah kepada Tuanku Canselor UUM, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke- 14.

Katanya, baginda akan mencemar duli pada malam majlis itu berlangsung, Sabtu depan. Justeru, beliau amat mengharapkan majlis khas yang dianjurkan itu berjalan lancar mengikut perancangan dibuat.

Menyentuh pula soal harga tiket, Dr Mohd Amy Azhar memaklumkan, orang ramai yang berminat menyaksikan persembahan itu diperlukan membayar RM30 saja. Ujarnya, ia bayaran yang difikirkan berpatutan dan mampu dibayar.

"Apapun sehingga kini, jualan tiket sangat memberangsangkan dan dianggarkan lebih 65 peratus tiket sudah dijual. Saya

juga yakin dengan bayaran

harga tiket serendah RM30, pasti peluang keemasan menyaksikan persembahan Anuar takkan dilepaskan begitu saja.

"Apatah lagi, saya cukup percaya penonton akan berpuas hati dengan persembahan akan disaksikan mereka pada malam itu nanti. Penganjuran konsert ini sangat bermakna buat kami warga UUM memandangkan bukan senang membawa artis sehebat Anuar datang ke tempat kami yang jauh di utara tanah air ini," katanya.

Konsert itu akan dihadiri seramai 5,000 penonton. Justeru, Dr Mohd Amy Azhar mengucapkan terima kasih tak terhingga kepada pihak IB kerana sudi bekerjasama lagi dengan UUM.

Terdahulu, sidang media yang diadakan di Bilik Nilam IB itu turut dihadiri Ketua Pengarah IB, Datuk Mohamed Juhari Shaarani. Antara artis pernah terbabit menjayakan program anjuran UUM sebelum ini adalah Faizal Tahir, Ana Raffali, Sohaimi Mior Hassan dan Jamal Abdillah.

Headline	OTM iringi Anuar		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	324,097	Readership	1,981,000
Section	Rap	Color	Full Color
Page No	R12	ArticleSize	495 cm ²
AdValue	RM 18,211	PR Value	RM 54,634



DR MOHD AMY AZHAR...
jalin kerjasama berterusan.



SEPAKAT... Mohamed Juhari (berdiri belakang, lima dari kiri) dan Dr Mohd Amy Azhar (berdiri belakang, empat dari kanan) bergambar bersama anggota OTM selepas majlis sidang media berlangsung.